

NO. SEBUTHARGA : JKR (B) 17 /2013

**SEBUTHARGA UNTUK KERJA – KERJA PENJAGAAN KEBERSIHAN BANGUNAN  
KERAJAAN UNTUK MASJID ABDULLAH FAHIM, BANDAR BERTAM, SEBERANG PERAI  
UTARA, PULAU PINANG**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah Tajuk : Kepala/Sub-kepala/Tajuk: **221001 dan 221002** dibenarkan menyertai sebutharga ini.
2. Borang-borang sebutharga boleh didapati di laman **Web e-Perolehan** dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/bank deraf berharga **RM 15.00** yang dibuat atas nama Pengarah, JKR Pulau Pinang.
3. Semua borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR KOMTAR, Tingkat 18, P.Pinang** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **16/7/2013**.
4. 'Lawatan Tapak' adalah **diwajibkan** kepada semua kontraktor yang berminat pada **5/7/2013** jam **3.00 Petang**. Adalah dimaklumkan bahawa taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Pemborong dikehendaki berkumpul di **Ruang Legar Hadapan Masjid Abdullah Fahim, SPU, Pulau Pinang** pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan di atas.
5. Denda sebanyak RM \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_ (Ringgit : \_\_\_\_\_ - \_\_\_\_\_) akan dikenakan ke atas pemborong yang gagal menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.
6. Kontraktor yang layak dan berminat memasuki sebutharga diwajibkan membawa perkara-perkara berikut untuk tujuan penyemakan iaitu:-
  - a. Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (**ASAL**) yang masih sah tempoh laku.
  - b. Sijil Asal Akaun Pendaftaran Kontraktor Bumiputera Kementerian Kewangan (**ASAL**).
  - c. Resit Asal pembayaran pendaftaran Sistem e-Perolehan.
7. Kerja Sebutharga ini **HANYA** terbuka kepada kontraktor yang hadir sendiri untuk lawatan tapak sahaja.
8. Kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas, syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sebutharga tersebut dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

\* .....

Nama : **(HAJI ABD RAZAK BIN SAID)**  
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah (Bangunan)  
JKR Pulau Pinang.

\* tandatangan tidak diperlukan.